

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK  
ABDUL AZIZ [BACHOK]**

**SOALAN**

**TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [BACHOK]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pembayaran royalti tunai yang dibayar kepada Kerajaan Negeri Kelantan sejak 2018.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

PETRONAS tidak membuat sebarang Bayaran Tunai bagi pengeluaran petroleum kepada mana-mana negeri di Semenanjung Malaysia, termasuklah negeri Kelantan. Ini disebabkan oleh kerana kedudukan kesemua medan pengeluaran petroleumnya yang beroperasi, berada di luar perairan negeri-negeri berkenaan menurut perundangan.

Namun demikian, Kerajaan Persekutuan masih membuat bayaran dalam bentuk Wang Ehsan kepada negeri Kelantan bagi melaksanakan projek dan program pembangunan untuk manfaat rakyat di negeri tersebut, memandangkan lokasi medan petroleum berdekatan dengan perairan negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)**

**DARIPADA : YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD  
(SETIAWANGSA)**

**SOALAN**

**TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD [ SETIAWANGSA ]** minta **MENTERI  
DALAM NEGERI** menyatakan bilangan pekerja asing sah dan tanpa izin  
setiap tahun antara 2010-2021.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pekerja asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) dari tahun 2010 sehingga 30 September 2021 adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah (orang)</b>
2010	1,937,582
2011	1,969,139
2012	1,843,237
2013	2,237,313
2014	2,064,380
2015	2,135,035
2016	1,866,369
2017	1,797,377
2018	2,015,760
2019	1,999,559
2020	1,483,380
2021 (Sehingga 30 September 2021)	1,937,582
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>22,469,887</b>

Manakala jumlah pendatang asing tanpa izin (PATI) adalah berdasarkan kepada pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan oleh Jabatan Imigresen Malaysia yang melibatkan premis-premis perniagaan ataupun perusahaan.

## SOALAN NO: 290

Bermula 1 Januari hingga 11 Oktober 2021, Jabatan Imigresen Malaysia telah melaksanakan 3,389 operasi penguatkuasaan melibatkan tangkapan 12,944 orang PATI daripada pelbagai negara dan 134 majikan atas pelbagai kesalahan imigresen di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

Kesemua tangkapan ini melibatkan premis perniagaan seperti kedai / premis perniagaan, restoran / kedai makan, rumah kongsi / tapak pembinaan, rumah urut / pusat hiburan / perjudian, pasar, kilang, tempat cuci kenderaan dan pegawai keselamatan.